

Panduan bagi hilang pendengaran cetusan hingar

Hilang pendengaran cetusan hingar

Brosur ini memberikan maklumat am sahaja dan bukan nasihat undang-undang. Janganlah bertindak dan janganlah pula tidak bertindak berdasarkan apa-apa yang terkandung dalam brosur ini. Bagi sesuatu perkara yang khusus, anda haruslah mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya.

Akta Pampasan Pekerja dan Pengurusan Kecederaan 1981 (Akta) mewajibkan majikan mengatur **ujian pendengaran garis pangkal** bagi semua pekerja di **tempat kerja bising yang ditetapkan**. Menjadi tanggungjawab majikan di bawah Akta ini untuk mengatur dan membiayai semua ujian audiometri WorkCover WA.

Siapakah yang akan diuji?

Semua pekerja baru yang diambil bekerja di tempat kerja bising yang ditetapkan **mesti** menjalani ujian pendengaran garis pangkal dalam tempoh dua belas bulan selepas mula bekerja. Penting dinyatakan bahawa seseorang pekerja hanya perlu menjalani ujian pendengaran garis pangkal sekali seumur hidupnya. Pekerja boleh memohon, secara bertulis, ujian susulan setiap tahun daripada majikannya. Jika anda ingin mengetahui sama ada seseorang pekerja telah diuji, anda boleh menghubungi Infoline WorkCover WA 1300 794 744.

Apakah tempat kerja bising yang ditetapkan?

Tempat kerja bising yang ditetapkan adalah tempat kerja yang mendedahkan pekerja kepada dos hingar 90dB(A) atau lebih dalam tempoh 8 jam sehari, atau yang bersamaan dengannya, dan hari sedemikian merupakan kelaziman amalan kerja pekerja itu. 90dB(A) adalah kira-kira sama dengan hingar daripada enjin trak berat yang hidup pada jarak 1 meter.

Mana-mana pekerja yang terdedah kepada hingar yang melebihi dedahan puncak 140dB(lin) pada suatu ketika atau lebih semasa bekerja, walaupun untuk masa yang singkat, juga perlu menjalani ujian. 140dB(lin) adalah kira-kira sama dengan aras hingar puncak di telinga pengguna daripada senjata api yang berkaliber sederhana hingga tinggi. Beberapa alat kuasa, jentera atau loji juga boleh mencapai aras puncak ini. Ujian perlu dijalankan bagi semua pekerja yang bekerja di tempat kerja bising yang ditetapkan, walaupun mereka memakai alat perlindungan pendengaran.

Senarai penyedia perkhidmatan yang boleh menentukan sama ada sesuatu tempat kerja itu adalah “tempat kerja bising yang ditetapkan” ataupun tidak boleh didapati daripada Bahagian WorkSafe Jabatan Perlindungan Pengguna dan Pekerja.

Apakah ujian pendengaran garis pangkal?

Ujian pendengaran garis pangkal ialah ujian audiometri awal yang dijalankan untuk menentukan Peratus Hilang Pendengaran (*Percentage Loss of Hearing* atau PLH) garis pangkal (rujukan) atau keseluruhan pekerja. PLH bagi semua ujian susulan akan dibandingkan dengan PLH garis pangkal. Sebagai sebahagian daripada ujian pendengaran garis pangkal, pekerja mungkin dikehendaki untuk menjalani penilaian audiologi garis pangkal yang sepenuhnya. Ujian yang lebih menyeluruh ini hanya perlu dijalani oleh peratusan kecil penduduk. Penilaian ini, jika dikehendaki, akan dibiayai oleh majikan. Setelah selesainya ujian garis pangkal, pekerja layak menjalani ujian susulan setiap dua belas bulan jika dia memohonnya.

Menjadi tanggungjawab majikan untuk mengatur dan membiayai ujian garis pangkal dan ujian-ujian susulan. Pekerja **mestilah** diberitahu waktu dan tarikh ujian pada borang yang ditetapkan (Borang 18). Menjadi tanggungjawab majikan dan pekerja untuk memastikan bahawa pekerja tidak terdedah kepada lebih daripada 80 dB(A) dalam tempoh **16 jam** sejurus sebelum menjalani ujian. 80 dB(A) adalah kira-kira sama dengan hingar daripada pembersih vakum rumah pada jarak 1 meter. Sekiranya pekerja perlu menjalani ujian pendengaran, majikan wajib membayar ganti kepada pekerja semua tambang dan belanja yang berpatutan yang terlibat kerana menghadiri ujian ini.

Siapakah yang boleh menyediakan ujian audiometri?

Hanya penguji yang diluluskan oleh WorkCover WA boleh menjalankan ujian tersebut. Orang seperti ini bertempat di merata Australia Barat. Direktori penyedia perkhidmatan audiometri yang diluluskan boleh didapati daripada tapak web WorkCover WA di www.workcover.wa.gov.au. Suasana dan peralatan ujian juga mesti memenuhi piawaian yang ketat. Mana-mana ujian yang tidak dijalankan mengikut kaedah yang diluluskan **tidak akan** diterima bagi tujuan Akta. Ujian audiometri yang dijalankan sewaktu pemeriksaan perubatan prapekerjaan yang berkesudahan pekerja itu tidak diambil bekerja, tidak akan diterima bagi tujuan Akta.

Apakah yang akan dilakukan terhadap hasil ujian?

Semua hasil ujian akan dihantar kepada WorkCover WA dan penguji mestilah memberikan satu salinan kepada pekerja dalam tempoh sebulan dari tarikh ujian dijalankan. Hasil ujian adalah sulit dan tidak boleh didapati oleh sesiapaapun tanpa kebenaran bertulis pekerja yang berkenaan.

Pampasan bagi hilang pendengaran cetusan hingar

Jika ujian audiometri susulan menunjukkan peningkatan kehilangan pendengaran keseluruhan yang sekurang-kurangnya 10 peratus daripada PLH garis pangkal, WorkCover WA akan memberitahu pekerja dan majikan tentang keperluan untuk menjalankan ujian lanjut untuk menentukan sama ada wujud kehilangan boleh pampas. Penilaian dan pemeriksaan audiologi susulan yang sepenuhnya oleh pakar telinga, hidung dan tekak (jika perlu) akan diatur untuk menentukan keadaan dan keterukan kehilangan pendengaran. WorkCover WA akan memberitahu anda langkah-langkah proses ini. Pampasan tidak boleh dituntut bagi Hilang Pendengaran Cetusan Hingar yang berlaku sebelum pengisytiharan undang-undang tersebut, iaitu pada 1 Mac 1991, atau selepas pekerja mencapai umur 65 tahun.

Ke manakah boleh saya pergi untuk mendapatkan maklumat lanjut?

Terbitan WorkCover

Terbitan yang berikut boleh didapati dengan menghubungi Infoline atau dengan melayari tapak web kami:

www.workcover.wa.gov.au

- Panduan Untuk Majikan – Pampasan Pekerja dan Pengurusan Kecederaan di Australia Barat
- Panduan Untuk Pekerja – Pampasan Pekerja dan Pengurusan Kecederaan di Australia Barat
- Panduan Menyelesaikan Pertikaian
- Catatan Panduan bagi Tataamalan (Pengurusan Kecederaan) 2005

Perkhidmatan Pendidikan WorkCover

Seminar maklumat percuma mengenai pampasan pekerja dan proses pengurusan kecederaan disediakan untuk majikan dan seminar yang berasingan disediakan untuk pekerja yang tercedera. Untuk mendaftar diri anda atau pekerja anda, sila telefon (08) 9388 5504.

Maklumat Lanjut

Pertanyaan khusus tentang orang dan peralatan yang diluluskan, prosedur ujian atau pentadbiran tuntutan hilang pendengaran, hendaklah ditujukan kepada **Bahagian Hilang Pendengaran Cetusan Hingar** di WorkCover melalui talian (08) 9388 5555.

Maklumat am yang lanjut tentang pampasan pekerja boleh didapati melalui telefon atau dengan mendapatkannya sendiri daripada:

WorkCover WA

2 Bedbrook Place
Shenton Park WA 6008
Telefon: (08) 9388 5555
Faksimile: (08) 9388 5550
Infoline: 1300 794 744

Cacat Pendengaran: TTY (08) 9388 5537

Tapak Web: www.workcover.wa.gov.au

Khidmat Nasihat adalah perkhidmatan maklumat melalui telefon yang memberikan maklumat am mengenai pampasan pekerja dan pengurusan kecederaan.

Maklumat boleh didapati dalam **format alternatif** bagi orang yang cacat pendengaran dan gelung audio boleh disediakan melalui notis 48 jam.

Khidmat jurubahasa, yang dibiayai oleh WorkCover WA, boleh disediakan melalui notis terdahulu.

Sumber-sumber Lain

Untuk mendapatkan maklumat mengenai prosedur menyelesaikan pertikaian, sila hubungi **Lembaga Pengarah Penyelesaian Pertikaian** melalui talian (08) 9388 5555.

Pertanyaan khusus tentang pengurusan kecederaan atau pemulihan pekerjaan boleh ditujukan kepada **Unit Kajian Semula Pengurusan Kecelakaan** di WorkCover melalui talian (08) 9388 5555.

Untuk membuat pertanyaan tentang isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan, sila hubungi **Talian Maklumat WorkSafe** melalui talian 1300 307 877.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kadar upah dan syarat-syarat award, hubungi **“Wageline” Jabatan Perlindungan Pengguna dan Pekerjaan** melalui talian 1300 655 266.

Maklumat dikemas kini setakat Januari 2006

ISBN 0 9757591 5 9